

**SOALAN LAZIM (FAQ) PEMBERIAN SUBSIDI YURAN  
PEMBELAJAAN KANAK-KANAK AUTISME**

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1.	Bagaimanakah permohonan boleh dibuat?	Ibu bapa boleh membuat permohonan melalui Pusat Pembelajaran Kanak-Kanak Autisme di mana kanak-kanak dihantar untuk mengikuti program terapi atau program intervensi awal(EIP).
2	Bagaimanakah Pusat Pembelajaran Autisme boleh mendapatkan borang permohonan?	Borang permohonan boleh dimuatnaik melalui portal Jabatan Kebajikan Masyarakat(JKM) atau boleh didapati di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Bahagian/Jajahan/cawangan berdekatan.
3.	Apakah syarat atau kelayakan bagi kanak-kanak untuk memohon?	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ibu bapa/penjaga dan kanak-kanak adalah warganegara Malaysia;</li> <li>ii. Kanak-Kanak berumur di bawah 18 tahun;</li> <li>iii. Kanak-kanak mempunyai kad oku yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat;</li> <li>iv. Kanak-kanak sedang atau telah berdaftar bagi mengikuti program terapi atau program intervensi awal di mana-mana pusat pembelajaran kanak-kanak autisme yang bertauliah; dan</li> <li>v. Pendapatan perkapita keluarga adalah tidak melebihi RM2000.00.</li> </ul>

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
4.	Bagaimanakah cara untuk mengira pendapatan perkapita keluarga?	<p>Pendapatan semua ahli keluarga dibahagikan dengan bilangan ahli keluarga yang tinggal bersama.</p> <p>Contoh:</p> <p style="text-align: center;"> <b>Pendapatan ibu RM3000 +</b>  <b>Pendapatan Bapa RM4000</b>  <b>+ Pendapatan ahli keluarga yang tinggal bersama RM1500</b>  <hr/> <b>Bilangan isi rumah 5 orang</b>  <b>= RM8500</b>  <hr/> <b>5</b>  <b>= RM1700 (layak menerima subsidi)</b> </p>
4.	Apakah syarat atau kelayakan bagi Pusat Pembelajaran Kanak-kanak Autisme yang ingin memohon?	<p>i. Pengusaha adalah warganegara Malaysia;</p> <p>ii. Berdaftar dengan agensi kerajaan/swasta/Badan Berkanun; dan</p> <p>iii. Menyediakan perkhidmatan terapi atau Program Intervensi Awal kepada kanak-kanak autisme.</p>
5.	Adakah ibu bapa boleh memohon Subsidi Yuran Pembelajaran Kanak-Kanak Autisme secara terus kepada JKM Negeri/PKMD ?	<p><b>TIDAK BOLEH</b></p> <p>Permohonan adalah melalui Pusat Pembelajaran Kanak-Kanak Autisme yang bertauliah.</p>

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
6.	Berapakah bilangan kanak-kanak autisme dalam satu keluarga yang boleh memohon?	<b>TIADA HAD</b>
7.	Bagaimanakah kaedah pembayaran subsidi pembelajaran kanak-kanak Autisme?	JKM akan menyalurkan subsidi kepada Pusat Pembelajaran Kanak-Kanak-Kanak Autisme yang bertauliah.  Ibubapa boleh membuat semakan dengan Pusat Pembelajaran di mana kanak-kanak Autisme didaftarkan dan menjalani terapi/Program Intervensi Awal.
8.	Bagaimanakah pengiraan umur bawah 18 tahun?	Pengiraan umur adalah berdasarkan bulan selari dengan Akta Kanak-Kanak 2001.
9	Adakah kanak-kanak autisme yang telah menerima bantuan daripada kerajaan negeri layak menerima Subsidi Yuran Pembelajaran Autisme ini?	Ya, layak untuk menerima Subsidi Yuran Pembelajaran Autisme ini.
10	Adakah kanak-kanak autisme di PDK atau PPKI yang juga menerima terapi atau menerima Program Intervensi Awal (EIP) di Pusat Autisme lain layak untuk memohon?	Ya, layak sekiranya Pusat Autisme berkenaan memenuhi syarat yang ditetapkan.